

16 OCT 2001

Mahathir-Pengganas

DR MAHATHIR HANYA DICADANGKAN UNTUK KETUAI MISI OIC TANGANI ISU PENGGANAS

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau hanya dicadangkan untuk mengetuai misi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dalam menangani masalah keganasan, dan bukannya dilantik oleh pertubuhan itu.

Perdana Menteri berkata seorang daripada pemimpin negara anggota OIC, iaitu seorang putera raja Arab Saudi, telah mengemukakan nama beliau untuk mengetuai misi itu.

"Saya belum diundang oleh OIC," katanya menjelaskan kedudukannya mengenai isu tersebut pada persidangan media selepas melancarkan Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN3) Permodalan Nasional Berhad di sini hari ini.

Ahad lepas, TV3 memetik Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar sebagai berkata Dr Mahathir telah dipilih oleh OIC mengetuai misi itu tetapi Syed Hamid menjelaskan kemudian bahawa apa yang beliau nyatakan ialah jika Dr Mahathir diminta mengetuai usaha itu, beliau tidak hairan memandang kepada kedudukan serta pandangan Perdana Menteri.

Menjawab soalan pemberita jika beliau akan menerima jika dilantik oleh OIC untuk tujuan tersebut, Dr Mahathir berkata: "Saya fikir saya tidak mampu. Itu satu perkara yang besar."

Ketika ditanya mengenai dua pemimpin Parti Keadilan Nasional yang tidak lagi mahu memegang jawatan parti itu, Dr Mahathir berkata ini adalah kerana parti itu tidak mempunyai perjuangan yang bermakna, dan hanya mempunyai satu matlamat iaitu untuk membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Dia (parti itu) hanya memperjuangkan untuk satu perkara sahaja, dan bukan untuk membangunkan ataupun memajukan negara atau menjadikan kehidupan rakyat lebih baik," katanya.

Beliau berkata apabila anggota-anggota Keadilan sedar perjuangan itu tidak bermakna lagi, maka mereka tidak akan bersama dengan parti itu.

Semalam Naib Ketua Pemuda Keadilan Hamdan Taha mengumumkan beliau telah meletakkan jawatan manakala sebelum ini, timbalan presiden parti itu Dr Chandra Muzaffar berkata beliau tidak akan mempertahankan jawatan itu dalam pemilihan parti itu nanti.

Mengenai bekas ahli Umno yang menyertai Keadilan dan kini ingin kembali kepada Umno, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata: "Kita nak tahu pendirian mereka...tak mahu (mereka) keluar masuk (Umno)."

-- BERNAMA

HK HK MAI